

20 NOV 1999

DR MAHATHIR LAWAT PETI UNDI KUBANG PASU

JITRA, 20 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini meluangkan masanya dengan membuat lawatan ke kawasan-kawasan peti undi dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu.

Kawasan-kawasan itu ialah Kepala Batas, Bukit Tinggi, Alor Rambai, Kampung Naga, Lubuk Kawah, Lubuk Batu dan Wang Tepus.

Beliau menghabiskan kira-kira 20 minit untuk mendengar taklimat daripada petugas-petugas pilihan raya Umno mengenai persiapan pilihan raya di kawasan-kawasan berkenaan.

Yang turut mengiringi Perdana Menteri ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, calon Barisan Nasional bagi Dewan Undangan Negeri Jitra Prof Dr Othman Ishak dan para pemimpin Umno Kubang Pasu.

Malam ini Dr Mahathir dijadual mengadakan ceramah di dewan Jitra di sini.

-- BERNAMA

HT NMO